



Rujukan Kami : 100-PPII (PTA 6/7/4)
Tarikh : 13 Januari 2023

Semua Rektor UiTM Cawangan
Semua Penolong Rektor UiTM Cawangan
Semua Ketua Bahagian / Unit Kewangan Zon Pejabat Bendahari UiTM Shah Alam
Semua Ketua Pejabat Bendahari UiTM Cawangan
Semua Setiausaha Jawatankuasa Ruang Niaga UiTM Cawangan

YBhg. Datuk/Dato'/Prof./Tuan/Puan

**MAKLUMAN PEKELILING TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PEMBANGUNAN)
BILANGAN 1 TAHUN 2023**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Mesyuarat Senat UiTM ke-290 bertarikh 10 Januari 2023 telah berkeputusan bahawa premis perniagaan menjual makanan di gerai /kafeteria UiTM hendaklah beroperasi sepenuhnya sepanjang tempoh peperiksaan akhir dijalankan secara fizikal di dalam kampus.
3. Sehubungan itu, disertakan Pekeliling Timbalan Naib Canselor (Pembangunan) Bilangan 1 Tahun 2023 untuk rujukan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(PROF. MADYA Ir. To. DR. HAJAH JULIANA JOHARI)
Penolong Naib Canselor (Infostruktur)
Menjalankan Tugas-Tugas
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**PEKELILING
TIMBALAN NAIB CANSOLOR (PEMBANGUNAN)**

Bilangan 01 Tahun 2023

**PELAKSANAAN LARANGAN MENUTUP OPERASI PERNIAGAAN
BAGI PREMIS PERNIAGAAN MENJUAL MAKANAN /GERAI /
KAFETERIA DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA (UiTM)**

TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan pelaksanaan larangan menutup operasi perniagaan bagi premis perniagaan menjual makanan di gerai /kafeteria UiTM sepanjang tempoh peperiksaan akhir dijalankan secara fizikal di dalam kampus UiTM.

LATAR BELAKANG

Mesyuarat Senat UiTM ke-290 bertarikh 10 Januari 2023 telah membuat keputusan bahawa premis perniagaan menjual makanan di gerai /kafeteria UiTM hendaklah beroperasi sepenuhnya sepanjang tempoh peperiksaan akhir dijalankan secara fizikal di dalam kampus UiTM.

Tujuan larangan pihak pengusaha untuk tidak menutup operasi perniagaan bagi premis perniagaan menjual makanan di gerai /kafeteria UiTM adalah membolehkan para pelajar yang sedang menduduki peperiksaan mendapatkan perkhidmatan tersebut.

PELAKSANAAN

Setiap kampus UiTM hendaklah memastikan pengusaha bagi premis perniagaan menjual makanan di gerai /kafeteria UiTM membuka perniagaan sepanjang tempoh peperiksaan akhir dijalankan secara fizikal di dalam kampus UiTM.

Pengusaha bagi premis perniagaan menjual makanan di gerai /kafeteria UiTM diwajibkan untuk memulakan operasi perniagaan bermula pada 7.00 pagi sehingga 7.00 malam. Operasi selepas 7.00 malam adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan di dalam perjanjian penyewaan.

TARIKH DIKELUARKAN


Pekeliling ini dikeluarkan pada 11 Januari 2023.

TARIKH KUATKUASA

Pekeliling ini hendaklah digunapakai oleh seluruh sistem Universiti Teknologi MARA berkuatkuasa pada sepanjang tempoh peperiksaan akhir dijalankan secara fizikal di setiap kampus UiTM.

PEMAKAIAN

Pemakaian pekeling ini adalah untuk semua pengusaha bagi premis perniagaan menjual makanan di gerai /kafeteria bagi seluruh kampus UiTM.


PROF. MADYA Ir. Ts. DR. JULIANA JOHARI
Penolong Naib Canselor (Infostruktur)
Menjalankan Tugas-Tugas
Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

Bendahari

Dikelilingkan Kepada:

Semua Rektor UiTM Cawangan

Semua Penolong Rektor UiTM Cawangan

Semua Ketua Bahagian / Unit Kewangan Zon Pejabat Bendahari UiTM Shah Alam

Semua Ketua Pejabat Bendahari UiTM Cawangan

Semua Setiausaha Jawatankuasa Ruang Niaga UiTM Cawangan

Bil. Fail : 100-PPII (PTA 6/7/4)